



08 APR, 2025

Gangguan bekalan gas di beberapa kawasan di zon tengah



Harian Metro, Malaysia

Gangguan bekalan gas di beberapa kawasan di zon tengah

Putrajaya: Bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia kekal stabil, manakala bekalan gas terganggu di beberapa kawasan di zon tengah susulan tragedi letupan paip gas di Putra Heights, Selangor pada minggu lalu.

Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam satu kenyataan pada semalam memaklumkan insiden letupan paip gas turut menyebabkan gangguan bekalan di empat stesen jana kuasa utama di Lembah Klang iaitu Stesen Janakuasa

Connaught Bridge, Stesen Janakuasa Pulau Indah, Stesen Janakuasa Sultan Salahuddin Abdul Aziz (KEV) dan Stesen Janakuasa Putrajaya.

"Namun, bekalan elektrik di Semenanjung Ma-

laysia dalam keadaan sta-

bil dengan beberapa lang-

kah mitigasi sudah dan

akan diambil.

"Antara langkah mitiga-

si yang diambil termasuk

pengoperasian secara op-

timum stesen-stesen jan-

akuasa sedia ada termasuk

penjanaan berdasarkan

arang batu dan pemanta- uan permintaan dan pe- rancangan penjanaan yang lebih terperinci merang- kumi pelbagai senario risiko," menu- rut kenyataan itu.

Lang- kah-langkah mitigasi integrir juga sedang diteliti secara berterusan dan pi- hak ST akan me- njanjukan sesi libat urus dengan pengguna yang terjejas dalam tempoh ter-

dekat. Sementara itu, menurut suruhanjaya berkenaan bekalan gas di Semenanjung Malaysia terganggu di beberapa ka- wasan di zon tengah iaitu

Shah Alam, Klang, Ser- dang, Puchong, Batu Tiga dan Kapar serta beberapa ka- wasan di zon utara.

"Pengguna yang terke-

san sudah mula menerima notis gangguan daripada pembekal masing-masing dan gangguan dijangka hingga 20 April.

"Bekalan gas masih ada dalam kuantiti yang ter- had dan keutamaan diberikan kepada perkhidmatan kritikal seperti hospital

dan penjanaan elektrik,

serta keperluan untuk

menstabilkan tekanan paip gas," menurut kenyataan itu.

ST dengan kerjasama

beberapa pihak berkepentingan utama dalam sek- tor pembekalan gas dan

elektrik, sedang memantau secara terperinci situasi pembekalan elektrik dan gas di Semenanjung Ma- laysia.

"Usaha kini tertumpu kepada menilai kesan gangguan bekalan gas, langkah-langkah mitigasi dan pelan interim dengan mengambil kira pelbagai senario sehingga keadaan pulih.

"Insiden kebakaran paip gas ini merupakan insiden terpencil di Semenanjung Malaysia," menurut kenyataan itu.

Bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia dalam keadaan stabil
ST